

" K A I N G E R U S "
(Trengganu)

OLEH:

SITI MARIAM BTE. HJ. MOHAMAD NOR

JABATAN TEKSTIL,
KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA,
INSTITUT TEKNOLOGI MARA,
SHAH ALAM,
SELANGOR.

PRAKATA	1
BAB 1 : PENGENALAN	1
BAB 2 : SEJARAH	4
BAB 3 : JENIS - JENIS KAIN	12
BAB 4 : PROSES	15
BAB 5 : CARA MENYIMPAN	21
BAB 6 : KEGUNAAN	24
BAB 7 : PENUTUP	27
PENGHARGAAN	31
RUJUKAN	32

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH
DAN MAHA PENYAYANG

Kajian untuk mendapatkan bahan-bahan isi bagi thesis ini bermula dari bulan Disember, 1979, hingga Disember, 1980. Kebanyakan maklumat-maklumatnya diperolehi di Kuala Trengganu dalam bentuk temuramah dengan orang-orang perseorangan termasuklah Tun Razak Sulaiman, Hajjah Fatimah bte. Abdul Rahman, Hajjah Ngah Songket, Kak Rahimah Said, Ayahanda Wan Jaafar dan Ninda Cik Teh. Sumber-sumber tambahan diperolehi melalui penyelidikan saya sendiri di Muzium Negara, Arkib Negara dan Perpustakaan Tun Abdul Razak. Juga melalui temuramah dengan Datin Azah Aziz.

Pokok persoalan yang cuba dikupas dalam thesis ini adalah sebagai satu sorotan sejarah mengenai ' Kain Gerus ' untuk mendekatkan kita kepada bahan seni bangsa yang tersebut.

W A S S A L A M

Siti Mariam Hj. Mohd. Nor.

I.T.M., Shah Alam.

12hb. Januari, 1981.

Gerus ialah satu cara tradisi yang istimewa untuk melicinkan kain-kain supaya menjadi berkilat, cantik dan tahan lama. Kain gerus ialah kain yang telah menjalani proses ini. Seperti seni tua, kain-kain ini juga kian menghilang begitu sahaja tanpa diberi perhatian langsung,

Kain-kain yang digunakan ialah yang berjenis tenunan biasa yang dibuat dari benang halus atau sutera yang telah dikandji dan digilap dengan sejenis kulit siput yang tertentu. Ia dibuat dengan penuh kesabaran dan kecekapan sehinggakan kain itu menjadi berkilat.

Walau bagaimanapun kain-kain ini sudah tidak kelihatan lagi dipakai oleh wanita-wanita, oleh kerana tidak ada

kemahiran untuk membuatnya. Kain-kain songket yang kurang bunga emasnya juga boleh digerus tetapi kain ini tidak diutamakan seperti kain sutera, oleh sebab bunga emas yang timbul akan menghalang kelicinan kerja menggerusnya sekalipun ia boleh dibuat secara berhati-hati untuk mendapat hasil yang memuaskan.

Kain gerus ini diambil namanya dari proses kerja di mana kain-kain tertentu itu dilicinkan dengan menggunakan sejenis kulit siput laut.

Kain gerus ini popular dan digemari ramai di zaman Sultan Ahmad Shah II iaitu kira-kira dalam tahun 1878. Baginda sungguh tertarik dengan kain yang berkilat ini sehinggakan Baginda mengerahkan orang-orang Baginda mempelajari seni ini supaya boleh kaum kerabatnya mengambil upah gerus untuk dipakai semasa mengadap Baginda ataupun ke majlis-majlis tertentu. Pada masa itu, orang besar-besar sahaja yang mampu memakai kain gerus disebabkan upahnya agak mahal.

Selain dari Negeri Trengganu, kain gerus juga terdapat di Negeri Johor, Perak dan Pahang. Seperti Trengganu, di negeri-negeri ini juga dipakai sebagai kain yang dipakai bersama baju kebaya, atau baju kurung, sampin ataupun kain kelubung.